



MPC.600-7/3/47 PCD

21 Januari 2021

Encik Mohammad bin Abdul Hamid

37 Jalan Damai Perdana 1/3

Bandar Damai Perdana

56000 Kuala Lumpur

**PELANTIKAN SEBAGAI PENCERAMAH BAGI SESI WEBINAR NATIONAL
COMPETITIVENESS SERIES (NCS) 2021 BERKENAAN *BEHAVIOURAL INSIGHTS (BI)***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah diberi mandat untuk melaksanakan program *Behavioural Insights (BI)* pada tahun 2020. Justeru itu, MPC akan melaksanakan beberapa inisiatif ke arah mewujudkan kesedaran mengenai BI terutamanya kepada pemegang taruh, ahli akademik, sektor awam dan swasta juga orang ramai.

3. Dalam usaha untuk memberikan kesedaran *Behavioral Insights* kepada masyarakat, platform komunikasi secara online dipilih bagi mencapai matlamat tersebut. Webinar ini berperanan sebagai salah satu kaedah perkongsian ilmu yang efektif khususnya semasa Perintah Kawalan Pergerakan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak MPC amat berbesar hati untuk melantik tuan sebagai penceramah bagi sesi webinar tersebut yang dijadualkan pada Terma dan Rujukan seperti di **Lampiran 2**. Sekiranya tuan bersetuju dengan lantikan ini, mohon untuk mengembalikan surat setuju terima (**Lampiran 1**) selewat-lewatnya pada **25 Januari 2021**.

5. Untuk sebarang pertanyaan, tuan bolehlah menghubungi Puan Shanthini Tamadoram (012-2880144 /emel shanthini@mpc.gov.my)

6. Sokongan dan kerjasama daripada tuan dalam menjayakan program ini amatlah dihargai dan diharap dapat membantu ke arah memacu produktiviti negara.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMAD MUZAFFAR ABDUL HAMID)

Timbalan Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)